



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwpcb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

935 ORANG PEGAWAI DAN KAKITANGAN KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR DAN AGENSI TERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG BAGI TAHUN 2011

PUTRAJAYA, 10 APRIL 2012 – YB Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin hari ini menyampaikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Agensi bagi tahun 2011 kepada **935 orang** pegawai dan kakitangan di KWPKB dan agensi yang berprestasi cemerlang, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

2. Dari keseluruhan jumlah penerima APC, **25 orang** adalah pegawai yang berkhidmat di **KWPKB**, **777 orang** daripada **DBKL**, **68 orang** daripada **Perbadanan Putrajaya**, **41 orang** daripada **Perbadanan Labuan**, **22 orang** daripada **Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan** dan **2 orang** daripada **Majlis Sukan Wilayah Persekutuan**.

3. Pemilihan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2011 telah dibuat berdasarkan garis panduan yang ditetapkan dalam **Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2002** dan dipertimbangkan berdasarkan **Laporan Nilain Prestasi Tahunan (LNPT) yang cemerlang**, bebas daripada tindakan tatatertib, kesalahan jenayah dan tapisan keutuhan **SPRM**, pernah menerima **Anugerah Pegawai Contoh Bulanan** bagi tahun 2011 serta *towering personality* yang ditunjukkan oleh warga kerja.

4. Penghargaan ini adalah merupakan inisiatif yang diberikan oleh Kementerian dan agensi-agensinya kepada mereka yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang sepanjang tahun 2011 serta sumbangan tenaga, masa dan komitmen ke atas kerja-kerja yang diamanahkan. Adalah diharapkan agar mereka dapat mengekalkan prestasi cemerlang kerja masing-masing dan seterusnya menjadi contoh kepada semua pegawai dan kakitangan di Kementerian dan agensi masing-masing.

5. Melalui penganugerahan ini, diharap akan dapat meningkatkan motivasi para penjawat awam ke arah meningkatkan kualiti kerja yang lebih baik dan memberangsangkan dalam usaha merealisasikan transformasi kerajaan. Kejayaan penjawat awam di peringkat nasional dan antarabangsa juga dapat meningkatkan produktiviti Negara serta menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran Negara dalam skala yang lebih besar pada masa akan datang. Selain itu juga, penjawat awam merupakan penggerak utama jentera pentadbiran kerajaan ke arah melaksanakan semua pendekatan dan program kerajaan dari semasa ke semasa.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

10 April 2012

PUTRAJAYA